

## KERATAN AKHBAR

TARIKH : 9 OKTOBER 2022  
AKHBAR : BERITA HARIAN  
CAPAIAN :<https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2022/10/1010386/lebih-1700-projek-baharu-tahun-depan>

### Lebih 1,700 projek baharu tahun depan



BACHOK: Sebanyak 7,615 projek pembangunan akan dilaksanakan tahun depan menerusi Bajet 2023.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Ekonomi), Datuk Seri Mustapa Mohamed, berkata ini termasuk 1,724 projek baharu dan 5,891 projek sambungan.

Katanya, projek pembangunan berkenaan, termasuk dalam perbelanjaan pembangunan berjumlah RM95 bilion.

"Saya dan Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Mohd Zuki Ali akan mempengerusikan mesyuarat pemudah cara bagi pelaksanaan projek pembangunan ini dengan semua kementerian untuk memastikan mereka bersedia dengan pelan pelaksanaan masing-masing," katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui pada Program Pembasmian Kemiskinan Tegar Keluarga Malaysia di Masjid Kubang Golok di sini, hari ini.

Mustapa berkata, perbelanjaan pembangunan itu menunjukkan kerajaan serius menaik taraf kehidupan rakyat, termasuk menghapuskan miskin tegar menjelang 2025.

Selain projek pembangunan, katanya, projek naik taraf dan penyelenggaraan aset kerajaan, termasuk jalan negeri, jalan Persekutuan, sekolah serta institusi pendidikan lain dan aset Angkatan Tentera Malaysia (ATM) dan Polis Diraja Malaysia (PDRM) turut dipertingkat.

"Peruntukan turut diberikan lima kali ganda kepada golongan miskin tegar menerusi dana daripada RM150 juta untuk 10,000 isi rumah kepada RM700 juta untuk 50,000 isi rumah," katanya.

Ahli Parlimen Jeli itu berkata, sehingga 3 September seramai 129,395 miskin tegar direkodkan membabitkan lima negeri yang tertinggi miskin tegar di Sarawak, Sabah, Kelantan, Terengganu, Perlis dan Kedah.

"Semua peruntukan ini bagi mendokong Rancangan Malaysia Ke-12 bagi mencapai objektif keluarga Malaysia makmur, inklusif dan mampan," katanya.